



## MANTAN YDP MPP UniMAP DINOBATKAN TOKOH SISWA TERBILANG

Oleh : Aininulniza Mohd Yusof

Mantan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar Sidang Akademik 2017/2018 Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dianugerahkan anugerah utama Anugerah Gemilang Siswa (AGS) 2018 iaitu Anugerah Tokoh Siswa Terbilang, di sini.

Muhammad Amir Hakim Razali dari Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK) Pembuatan menerima anugerah berkenaan daripada Naib Canselor UniMAP Dato' Prof Dr Zul Azhar Zahid Jamal sempena AGS 2018 itu yang diadakan di Hotel Putra Regency.

Menurutnya, penglibatan aktif beliau sejak awal pengajian di UniMAP dari 2016 selain pernah memimpin MPP UniMAP melayakkan beliau tercalon bagi menerima anugerah utama AGS itu.

Katanya, beliau banyak terlibat dengan program-program universiti terutama berkaitan kepimpinan dan kesukarelawan dan pernah dianugerahkan Ikon Kepimpinan AGS 2016.

"Antara pengalaman yang paling berharga adalah apabila diberi kepercayaan mengemudi MPP UniMAP dan dapat merasai pengalaman melawat negara luar bersama pengurusan tertinggi menerusi Program Jelajah Ilmu pada tahun lalu," katanya yang berasal dari Jitra, Kedah.

Muhammad Amir yang kini di tahun keempat pengajian dalam bidang Reka Bentuk Produk juga sering dijemput sebagai mentor, panel mahasiswa, penceramah serta juri bagi program-program mahasiswa.

Menurut beliau, antara program-program itu ialah Forum Kursus Kepimpinan Mahasiswa Perangi Rasuah (KOMAWAR), Parlimen Mahasiswa Kebangsaan, Misi Sukarelawan Rentas ASEAN ke Padang, Indonesia dan pelbagai program peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Katanya, minat yang mendalam dalam kepimpinan dan kesukarelawan menyebabkan beliau sentiasa bergiat aktif dan menghargai universiti yang memberi peluang kepada dia.

Selain Muhammad Amir, seramai 132 penerima daripada 41 anugerah termasuk anugerah baharu iaitu Anugerah Khas Naib Canselor bagi kategori individu dan kategori berkumpulan.

Mahasiswa yang menerima anugerah berkenaan ialah Muhammad Nurfiqri Mohd Hajar dari Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan (PPIPT) dan Shahrun Nizam Shahrun Nahar dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) manakala kategori berkumpulan juga dari kumpulan mahasiswa FTK.

Sementara itu, Dato' Zul Azhar ketika berucap merasmikan AGS 2018 berkata penganjuran AGS 2018 itu merupakan sebahagian daripada suntikan dan rangsangan kepada mahasiswa untuk menggilap bakat dan potensi mereka.

"Ia sekaligus menjadi inspirasi kepada rakan-rakan mahasiswa yang lain untuk turut sama berusaha dalam pelbagai lapangan bagi menggapai kecemerlangan."

"Selain itu, ia juga sebagai satu bentuk penghargaan dan pengiktirafan di atas sumbangan mahasiswa yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik tetapi juga aktif dalam kegiatan kesukarelawan," katanya.

Hadir sama Timbalan-timbalan Naib Canselor UniMAP dan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniMAP, Prof Madya Dr Muzammil Jusoh.

